# PAK-21

## SIMULTANEOUS ROUND TABLE

**Arahan :** 1. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
2. Guru perlu menyediakan kertas mahjong untuk murid menulis jawapan.
3. Panduan aktiviti iaitu :

(a) Guru akan mengedarkan kad situasi kepada setiap kumpulan.
(b) Dalam kumpulan, murid akan menulis respons terhadap soalan situasi pada kertas masing-masing.
(c) Seterusnya, mereka akan mengedarkan catatan soalan situasi tersebut mengikut arah jam supaya setiap ahli kumpulan dapat menambah atau membetulkan jawapan yang ditulis.
(d) Guru akan menyemak jawapan murid dan memberikan maklum balas.

4. Gunakan contoh kad soalan di bawah :
   (a) Setiap kumpulan perlu menyediakan **dua** situasi dan menyatakan cara bersikap jujur demi kesejahteraan negara berdasarkan situasi tersebut.
   (b) Kemudian, nyatakan kepentingan bersikap jujur demi kesejahteraan negara.

| **Situasi 1** | **Situasi 2** |
|---|---|
| (Murid perlu menyediakan situasi) | (Murid perlu menyediakan situasi) |
| 1. **Cara bersikap jujur :**<br>(a)<br>(b) | 1. **Cara bersikap jujur :**<br>(a)<br>(b) |
| 2. **Kepentingan :**<br>(a)<br>(b)<br>(c) | 2. **Kepentingan :**<br>(a)<br>(b)<br>(c) |

5. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.

SP 10.1, 10.2, 10.5 TP 6